



# The Epitome

## /ɪ'pɪtəmi/

Academy of Language Studies, UiTM Kedah Branch

Capturing Life Lessons and Moments

Volume 1  
Issue 4

2024

# Copyright Page

Copyright© 2024 by Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions, and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

eISSN 3009 – 0075

**Published by:**

**UiTM Cawangan Kedah,**

**Pn. Razanawati Nordin, Chief Editor,**

**UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sg. Petani, 08400 Merbok,  
Kedah**

**Email address: razanawati@uitm.edu.my**

**Contact No: 044562421**

**Copy Editor: Ms. Rafidah Binti Amat**

**& Ms. Nor Asni Syahriza Abu Hassan**

**Graphic Designer: Mr. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin**



# APB KEDAH : THE EPITOME Editorial Board

Advisor



Mr. Azlan Abdul Rahman

Chief Editors



Dr. Nur Syazwanie  
Mansor



Puan Razanawati  
Nordin

Managing Editors  
& Promotion



Puan Sharifah Syakila  
Syed Shaharuddin

Editors &  
Content Reviewers



Puan Hajah  
Sharina Saad



Puan Phaveena  
Primsuwan



Puan Samsiah  
Bidin



Dr. Berlian  
Nur Morat



Puan Syazliyati  
Ibrahim



Ustaz Mohd Zulkhairi  
Abd Hamid



Puan Noor 'Izzati  
Ahmad Shafiei



Cik Lee Chai Cuen




Mr. Mohd Hamidi  
Adha Mohd Amin



Puan Nor Asni  
Syahriza Abu Hasan



Puan Mas Aida  
Abd Rahim



Puan Rafidah  
Amat



Puan Khairul Wanis  
Ahmad

Graphic Designer



Mr. Mohd Hamidi  
Adha Mohd Amin



Puan Rafidah  
Amat



Puan Nor Asni  
Syahriza Abu Hasan



Mr. Muhammad  
Shyazzwan Ibrahim Brian

Technical



Special Task





# Synopsis



The Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah is thrilled to announce the release of the fourth edition of its e-magazine, The Epitome. This publication represents our steady dedication to cultivating creativity in language and literature.

The primary objective of THE EPITOME is to offer a platform for writers, educators, scholars, poets, and researchers can come together to exchange their ideas, discoveries, expertise, and narratives. Our special focus revolves around an array of creative writing genres, encompassing playwriting, short stories, songs, speeches, memoirs, literary journalism, humour writing, lyric essays, innovative essays, and personal essays, with a goal to embrace diverse linguistic expressions, with content available in four languages: English, Bahasa Melayu, Mandarin, and Arabic.



# *table of contents:*

## PREFACE

## EDITOR'S NOTE

|   |    |
|---|----|
| <b>'MI KARI LAGI??'</b><br>by Fudzla Suraiyya Abdul Raup & Siti Nur Fatimah Md Aminullah                  | 1  |
| <b>'Normal is Boring': Let Me See The Colours Through Your Spectrum</b><br>by Raja Nur Hidayah Raja Yacob | 3  |
| <b>" Every word you say is a prayer "</b><br>by Ezatul Mazwe Muhammad Arif                                | 5  |
| <b>"FD" Yang Istimewa</b><br>by Noor Aizah Abas   | 7  |
| <b>A woman like her</b><br>by Nurul Izzati Binti Md Rashid  | 9  |
| <b>Apocalypse: Zombie virus</b><br>by Bok Check Meng  | 11 |
| <b>Armless</b><br>by Ahmad Safwan Aqil Shukori, Muhammad Aqim Khairul Anuar & Nor Hairunnisa Mohammad Nor | 13 |
| <b>Beneath The Canopy of Sakura</b><br>by Zaiton Md Isa & Simah Md Noor                                   | 15 |
| <b>Berfikirlah di Luar Kotak</b><br>by Mohd Hakim Jamil   | 16 |
| <b>Déjà vu</b><br>by Nur Syamimi Zahari   | 17 |
| <b>Forgive Me, Baba...</b><br>by Mahathir Ahamad  | 18 |





# Preface

**Mr. Azlan Abdul Rahman**  
Head of Faculty  
Academy of Language Studies  
UiTM Kedah Branch

Welcome to the fourth issue of Epitome, where creativity and imagination shine brightly. Within these pages, you will discover a rich tapestry of voices and visions—each piece a celebration of the limitless potential of words.

This issue of Epitome is more than a mere publication; it is a tribute to the art of storytelling in all its forms. Whether you are captivated by evocative poetry, enthralled by engaging short stories, or intrigued by insightful essays, we aim to present something that resonates with every reader.

We are passionate about the transformative power of literature, and we hope that this collection will inspire, challenge, and delight you. As you explore these pages, may you uncover new perspectives and experiences that enrich your own creative journey.

Thank you for embarking on this literary adventure with us.

Happy reading!





# Editor InChief

Dear gentle readers,

Let me welcome you to our fourth edition of e-magazine, where we explore the beauty of life's journey. Our theme, "Capturing Life Lessons and Moments," encourages you to pause, reflect, and celebrate the wisdom that arises from everyday experiences.

Life is a mosaic of moments, each with the potential to teach us something profound, inspire change, or remind us of the surrounding beauty. Within these pages, we have unfolded stories, reflections, and insights that illuminate the lessons woven into the fabric of our lives. From the quiet wisdom found in fleeting moments to the power of life-changing events, this edition pays tribute to the learning that occurs beyond the classroom, in the heart of our daily lives.

Our contributors have poured their hearts into capturing these moments, sharing personal stories that resonate with authenticity and depth. You will find essays exploring the significance of small acts of kindness, articles reflecting on the lessons learned from adversity, and creative pieces celebrating the joy found in simple leisure. Each piece serves as a reminder that life's greatest lessons often emerge from the most unexpected places.

As you flip through this edition, we hope you find inspiration in the shared stories and perhaps discover a mirror to your own experiences. May these pages encourage you to appreciate the moments that shape you, learn from the challenges that test you, and embrace the wisdom that life offers at every step of your journey.

Thank you for joining us in exploring life's lessons and moments. We invite you to take your time, savour each piece, and maybe even gain a new perspective on the experiences that have shaped your own life.

Happy reading!  
Warm regards,

Razanawati Nordin  
Editor-in-Chief  
THE EPITOME



# “FD” Yang Istimewa

Noor Aizah Abas

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM, Shah Alam

Mulai tahun 2009 hingga 2017, aku merupakan antara tenaga pengajar tetap bahasa Jepun di Fakulti Perakaunan (AC), Shah Alam kerana aku merupakan Wakil Fakulti lantikan Akademi Pengajian Bahasa (APB). Bahasa Jepun merupakan salah satu kursus Bahasa Ketiga yang ditawarkan di UiTM selain enam bahasa lainnya, iaitu bahasa Arab, Mandarin, Perancis, Jerman, Korea dan Itali. Aku mula berkhidmat di Fakulti AC sejak AC berada di Menara SAAS, hinggalah AC berpindah ke bangunan baharu di Puncak Alam. Setelah dilantik menjadi Koordinator Pengurusan di jabatanku pada tahun 2018, aku tidak lagi ke AC kerana tugasanku memerlukan aku berada di Shah Alam secara sepenuh masa. Kebiasaannya, pensyarah APB pasti gembira jika melihat kelas AC ada tertera di Jadual Waktu kerana amat mudah mengajar di AC dek kerana pelajarnya yang pintar dan amat berdedikasi. Walaupun diberikan jam temu sebanyak enam jam sehari, kami pasti menerima dengan hati berbunga ceria. Kelas AC bagi semua bahasa ketiga ialah pada hari Rabu bermula jam 8.30 pagi. Sepanjang aku mengajar di AC, ada satu kenangan yang terpahat dalam memoriku hingga kini. Begini kisahnya...

Suatu pagi di semester baharu, ketika pelajar-pelajar Tahap I mula memasuki kelasku, masuk seorang pelajar lelaki sambil bertutur dalam bahasa Jepun yang agak fasih tetapi menggunakan laras bahasa pasar. Bahasa Jepun versi bahasa pasar tidak sesuai digunakan jika berkomunikasi dengan orang yang lebih tua apatah lagi dengan pensyarah. Lantas terganggu sikit emosiku. Aku pujuk hatiku. Tak apalah...mungkin dia tidak tahu. Mungkin dia belajar melalui anime atau drama atau filem. Kemudian dia duduk di meja hadapan sekali. Aku perhatikan, tidak ada seorang pelajar pun yang mahu duduk di sebelahnya. Pelajar-pelajar lelaki malahan berebut-rebut duduk di kerusi barisan paling belakang. Aku mulakan kelas dengan sesi memperkenalkan diri. Biarlah aku namakan pelajar itu sebagai FD. Orangnya sangat ceria. Dia galak bercerita mengenai anime dan game yang aku sendiri kurang arif sebenarnya. Tiba-tiba dia bangun dan mengecas telefon bimbitnya di belakang kelas sambil bercakap menggunakan bahasa yang aku tidak fahami. Kemudian dia pergi ke tandas. Aku mengambil kesempatan itu untuk bertanya jika pelajar-pelajar lain mengenali dan mengetahui tentang keadaannya. Mereka memberitahuku bahawa pelajar tersebut merupakan seorang pelajar istimewa, namun tidak pasti sama ada ADHD atau autisme. Betullah tekaanku. Alamat...apa perlu kubuat ni? Aku mulai khuatir kerana aku tidak mempunyai pengalaman atau kemahiran mengendalikan pelajar sebegitu. Kupanjatkan doa ke hadrat Illahi supaya membantu dan memudahkan semua urusanku.

Minggu berikutnya, sewaktu aku melangkah masuk ke kelas, pelajar itu sudah duduk di meja pensyarah di hadapan sekali. Dia menggunakan komputer di meja tersebut dan mengajak aku menonton anime bersamanya. Aku yang baru sampai dari Shah Alam berasa agak penat untuk melayannya, tetapi aku turutkan sahaja. Rasa takut pun ada sebenarnya. Takut dia mengamuk jika aku tidak menurut kemahuannya. Bila semua pelajar sudah memasuki kelas, FD masih tidak berganjak dari mejaku. Setelah puas memujuknya, alhamdulillah dia berpindah ke meja pelajar.

Di lain ketika, ramai pelajar yang tidak menyiapkan tugas dan aku bertanya mengapa mereka tidak menurut arahanku. Tiba-tiba FD bangun dari tempat duduknya dan berdiri di sebelahku. Dia memarahi semua pelajar di dalam kelas tersebut dengan suara yang kuat. Ada juga aksinya yang agak menakutkanku. Terkesima aku dibuatnya. Aku baca doa banyak-banyak lantas memujuknya. Terima kasih Allah kerana dia berjaya ditenangkan akhirnya.





Semester berikutnya, aku mengajar kelas yang sama kerana semua rakan sejawatku tidak mempunyai keyakinan untuk mengajar FD. Pada minggu pertama, terdapat pertukaran bilik kuliah. Di dalam sistem, bilik kuliah dinyatakan di bangunan Fakulti Sains Kesihatan, manakala di jadualku pula bilik kuliah adalah di bangunan AC. Aku terpaksa menelefon beberapa orang pelajar memaklumkan tentang pertukaran bilik kuliah tersebut. Setelah menunggu selama lebih kurang 15 minit, akhirnya semua pelajar tiba ke kelas. Tiba-tiba aku dengar suara tangisan di pintu. Bila kulihat, rupanya FD yang menangis. "Penat la sensei. Jauh tau saya berjalan! Kenapa buat macam ni?" protesnya lantas mencampakkan beg. Alamat! Aku beritahu bahawa terdapat masalah teknikal dan ia bukan disengajakan. Aku memujuknya dengan suara yang aku kira paling lembut, selembut gigi dari tulang. Syukur alhamdulillah dia berhenti menangis dan masuk ke kelas mengikutku.

Aku juga pernah melihat FD menendang-nendang papan notis kenyataan pelajar di hadapan pejabat. Bila kutanya, rupanya dia tidak berpuas hati dengan pertukaran program yang dibuat oleh fakulti. Namun, perkara yang paling menakutkanku dan juga semua pelajar di kelas ialah apabila FD pernah mengamuk dan hampir-hampir memukul seorang pelajar. Ceritanya bermula apabila kami mengusiknya kerana dia tidak menyiapkan tugas yang aku beri. FD menjadi amat marah. Dia mengangkat begnya lantas meluru ke arah seorang pelajar lelaki yang duduk berhampiran dengannya. Mukanya merah menyala dan dia menjerit marah. Dia menghayunkan begnya hendak memukul pelajar tersebut. Aku cepat-cepat bersuara. "FD...FD baik kan. Orang baik tak pukul kawan dia. Kami semua minta maaf sangat-sangat. Ye kami salah. Kami gurau-gurau je. Kami tau FD buat homework. FD kan rajin, pandai, baik." Kuat dan keras juga suaraku memujuknya sambil hatiku tidak putus-putus berdoa. Keadaan tegang itu berlarutan agak lama iaitu kira-kira 10 minit hingga dia menurunkan beg lantas kembali ke mejanya. Kami semua menarik nafas lega sambil mengurut dada. Memang terasa hendak sujud syukur di saat itu juga.

Itu antara beberapa kisahku bersama FD selama tiga semester aku menjadi pensyarahnya. Banyak pengajaran yang aku perolehi. Antaranya, aku belajar bagaimana mengendalikan pelajar seperti FD walaupun secara tidak formal. Saranku, alangkah baiknya jika pihak fakulti dapat memaklumkan terlebih dahulu kepada pensyarah jika terdapat pelajar yang istimewa seperti FD supaya pensyarah tersebut dapat bersedia dari segi mental dan emosi. Mungkin pihak universiti juga boleh menyediakan kursus asas atau khusus kepada pensyarah untuk menangani pelajar-pelajar istimewa sebegitu. Bukan mudah hendak menangani pelajar seperti FD. Sejujurnya aku berasa agak bimbang dan gementar setiap kali ke kelas terutamanya di awal-awal perkuliahan bersama FD. Alhamdulillah, dengan rahmat pertolongan Allah SWT, tiga semester berjaya aku tempuh tanpa ada sebarang peristiwa yang tidak diingini berlaku.

Aku doakan FD berjaya di dunia dan akhirat dan semoga ibu bapanya dikurniakan syurga tertinggi kerana menjaga amanah Allah SWT yang sangat istimewa seperti FD. Terima kasih Allah atas kenangan ini.





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

*The*  
**Epitome**  
*/ɪ'pɪtəmi/*

